



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi perkara berikut :-

NO. & TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	SYARAT PENDAFTARAN
<p><b>MPOB(SH/EIPM-PPB/BSRD)08/2024</b></p> <p><b>MEMBEKAL, MENGHANTARSERAH, MENTAULIAH TIGA (3) UNIT PESAWAT TANPA PEMANDU (UAV/DRON) TERMASUK AKSESORI BAGI TUJUAN PENGAWALAN SERANGAN ULAT BUNGKUS, PEMANTAUAN KAWASAN TERKENA JANGKITAN GANORDERMA DAN LAIN-LAIN KEGUNAAN DI LADANG SAWIT BAGI UNIT ENTOMOLOGI DAN PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU (EIPM) DAN UNIT PATOLOGI DAN BIOSEKURITI (PPB), BAHAGIAN PENYELIDIKAN BIOLOGI &amp; KELESTARIAN, IBU PEJABAT MPOB, BANDAR BARU BANGI</b></p>	<p><b>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:</b></p> <p>26 April 2024 (Jumaat) hingga 3 Mei 2024 (Jumaat)</p> <p><b>Masa:</b></p> <p>9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 2.00 petang hingga 4.00 petang</p> <p><b>Tempat:</b></p> <p>Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 603-8769 4524</p>	<p><b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:</b></p> <p><b>120502 : Peralatan Pemantauan dan Pengesanan</b></p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pendaftaran Bumiputera (<b>wajib</b>)</p>

- Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan** mulai **26 April 2024 (Jumaat) sehingga 3 Mei 2024 (Jumaat)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.
- Hanya pemilik syarikat (Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM) sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga**, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
- Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **9 Mei 2024 (Khamis), pukul 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**(Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan)**